

**PERUMAHAN UNTUK KESELAMATAN DAN TUMBESARAN POSITIF  
KANAK-KANAK**  
(Housing for Children Safety and Positive Growth)

**MAHFUZH BT. MAHFOZ**

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi  
sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Muda Senibina

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

MAY, 2007

## ABSTRAK

Pewaris generasi yang akan datang iaitu kanak-kanak merupakan aset sumber manusia yang paling bernilai bagi sesebuah negara membangun seperti Malaysia dewasa ini. Tidakkah kita sedar betapa pentingnya kewujudan kanak-kanak ini untuk memikul tanggungjawab serta menjulang nama negara Malaysia yang tercinta pada suatu hari kelak? Siapakah yang seharusnya membimbing mereka ini untuk terus maju dan berkembang sebagai pelapis generas pada masa hadapan? Kita adalah generasi kini yang tidak harus alpa akan tanggungjawab kita untuk sama-sama membimbing mereka ke arah pencapaian yang lebih teguh, dinamik dan produktif sebagai bekalan pada suatu hari kelak.

Dalam konteks Malaysia, dapat kita lihat bahawa hasrat negara untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang progresif dan liberal menjelang tahun 2020 (Wawasan 2020) juga turut sama melihat akan aspek perkembangan dan pembentukan generasi yang berkualiti dari peringkat kanak-kanak lagi. Dapat dibuktikan di sini bahawa kanak-kanak merupakan kumpulan umur yang paling ramai sekali di Malaysia dan juga pengguna ruang yang paling besar di dalam persekitaran taman perumahan. Oleh yang demikian, rekabetuk dan susunatur perancangan taman perumahan seharusnya mengambil berat akan kepentingan dan keperluan penggunanya lebih-lebih lagi golongan kanak-kanak seperti kemudahsampaian dan pergerakan, pendidikan dan pembangunan proses tumbesaran yang sihat serta pertimbangan terhadap aspek keselamatan kanak-kanak yang akan dibincangkan dalam konteks kajian tesis ini.

Dewasa ini, kepesatan penduduk di dalam mengharungi pembangunan negara Malaysia semakin meningkat telah menyebabkan kos sara hidup rakyat turut sama memuncak naik. Perkara ini telah memberi impak dan mempengaruhi penawaran saiz dan kualiti perumahan yang dibina terutamanya di dalam kawasan bandar besar seperti Kuala Lumpur ataupun Johor Bahru. Kepesatan proses

pembangunan secara mendadak ini telah memperlihatkan pelbagai penawaran para pemaju akan ruang-ruang yang disediakan di dalam sesebuah taman yang kononnya memberi kepentingan kepada kanak-kanak, walhal itu adalah hanyalah taktik penjualan para pemaju sahaja.

Pada dasarnya, taman-taman perumahan yang terbina sekarang semakin kurang memberi perhatian akan kepentingan kanak-kanak sebenarnya kerana beranggapan bahawa untuk mewujudkan taman perumahan yang mesra kanak-kanak, kos pembangunannya adalah amat tinggi. Namun, sampai bilakah negara Malaysia ini akan terus hanyut mengejar arus pemodenan yang pada akarnya tidak mendatangkan faedah sebanar yang sepatutnya dirasakan oleh masyarakat kita? Para arkitek atau pemaju perumahan semakin alpa akan tanggungjawab sebenar iaitu merekabentuk perancangan perumahan yang menitikberatkan kesemua aspek di dalam perancangan perumahan seperti aspek keselamatan dan tumbesaran positif yang prihatin akan kewujudan kanak-kanak yang sangat tinggi.

Sesebuah taman perumahan yang prihatin akan aspek keselamatan kanak-kanak mampu menawarkan tahap kemudahsampaian dan pergerakan yang tinggi dan selamat kepada kanak-kanak untuk ke destinasi yang yang ingin mereka tuju seperti kemudahsampaian kanak-kanak ke taman permainan dan sekolah dengan hanya berjalan kaki mahupun berbasikal. Selain itu, perletakan kawasan bermain kanak-kanak seperti padang bola dan taman permainan berhampiran dengan rumah-rumah, dengan secara tidak langsung dapat mewujudkan konsep "surveillance" iaitu pengawasan oleh orang dewasa dapat dilakukan secara semula jadi dengan lebih kerap. Selain itu, kawasan perumahan, kawasan lapang dan taman permainan seharusnya direkabentuk agar dapat merangsang tumbesaran positif kepada kanak-kanak yang menggunakannya.

Natijahnya, kajian ke atas perilaku kanak-kanak dalam persekitaran fizikal dan pelaksanaan rekabentuk perancangan perumahan yang selamat dan merangsang tumbesaran positif kepada kanak-kanak amatlah digalakkan bagi memastikan kepentingan dan keperluan kanak-kanak terhadap keselamatan dan proses tumbesaran yang positif diberi pertimbangan sewajarnya agar kehidupan kanak-kanak tersebut akan lebih terjamin pada masa-masa yang akan datang.